

Berita Manmin

NO. 20 19 MAC 2023

Apabila anda sedar tentang kasih

Sesetengah orang tidak dapat menikmati ketenangan hati walaupun mereka menjalani kehidupan Kristian yang tekun.

Mereka mematuhi Firman bukan kerana mereka mengasihi Tuhan, tetapi mereka patuh kerana takut akan hukuman.

Akibatnya, pada satu ketika, mereka kehilangan keberanian mereka jika mereka melanggar Firman.

Jika anda adalah seperti mereka, anda mesti berusaha keras untuk mengasihi Tuhan, bukan sekadar berpegang kepada tindakan itu.

Sebanyak mana anda sedar tentang kasih Tuhan yang mengasihi anda sehingga meninggalkan Anak-Nya yang tunggal Yesus Kristus di atas kayu salib, anda bukan sahaja menikmati ketenangan sejati tetapi anda akan mengasihi Tuhan dan dengan rela mentaati Firman-Nya.

Kolumn Kristian Dr. Jaerock Lee

“Dengan kuasa Roh Allah yang hidup di dalam kita, jagalah Berita Baik yang telah dipercayakan kepadamu, seperti engkau menjaga harta yang berharga.”
(2 Timotius 1:14)

Kesaksian melalui Perjumpaan Kesembuhan Ilahi

Batu karang hilang dan anemia serta tulang belakang yang berpintal telah sembah

Diaken Kanan Youngnam Park (Usia 63, Paroki Ke-12)

Pada 12 November 2022, perut saya terasa senak dan tidak selesa selepas saya makan sebiji pisang kaki. Keesokan paginya, saya mengalami pening dan kesakitan. Gejala itu menjadi lebih teruk sehingga saya tidak dapat menanggungnya.

Pada 15 November, keputusan pemeriksaan hospital mengesahkan bahawa penyebabnya ialah ‘batu karang’. Oleh itu, saya memutuskan untuk membuang batu karang melalui pembedahan endoskopi pada hari yang berikutnya. Sebelum pembedahan, saya menghubungi pastor paroki saya dan memberitahunya tentang keadaan saya. Saya menerima doa dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) menerusi telefon.

16 November ialah hari saya sepatutnya menjalani pembedahan, tetapi saya tidak mengalami kesakitan. Selepas pemeriksaan semula, doktor mengatakan, “Batu karang hilang walaupun tanpa pembedahan tetapi sepsis muncul dari pankreas ke jantung, tidak sampai ke kepala.” Saya bersyukur atas kerja Roh Kudus apabila doktor mengatakan bahawa batu karang telah hilang.

Sejak hari itu, doktor mulai mencari punca sepsis. Namun begitu, saya tiba-tiba mengalami pendarahan yang banyak sebanyak 6 hingga 7 kali sepanjang malam. Kemudian, pada hari Khamis, saya menjalani ‘gastrokopi’ untuk mengenal pasti puncanya.

Hasil daripada ujian mengesahkan ada ‘pendarahan gastrik yang berlebihan’ dengan perforasi perut akut. Pendarahan berhenti selepas pembedahan tetapi tulang belakang saya berpintal, kaki saya bengkak dan anemia yang teruk juga berlaku semasa proses ujian dan rawatan sehingga saya tidak dapat bergerak dengan sendiri.

Pada hari Jumaat, 25 November iaitu hari Perjumpaan Kesembuhan Ilahi, saya keluar dari hospital dengan berkerusi roda dengan bantuan suami saya untuk disembuhkan dengan iman. Doktor



berkata, “Ia akan mengambil masa 7 bulan untuk darah mengisi sumsum tulang kamu, jadi kamu mesti makan daging pada setiap hari.”

Pada pukul 11:00 malam itu di rumah, menerusi GCN saya menghadiri Ibadat Sepanjang Malam Jumaat yang diadakan sebagai Perjumpaan Kesembuhan Ilahi.

Semasa saya mendengar khutbah Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, yang bertajuk “Tuhan Yang Memberi Jawapan”, saya teringat bahawa saya pernah menghakimi dan mengutuk orang lain, lalu saya bertaubat dengan sepenuhnya.

Apabila saya menyanyikan lagu puji, kepenuhan Roh Kudus datang dari atas, lalu saya mampu untuk berdiri dengan iman. Pada masa itu, ada bunyi retak pada tulang belakang saya yang berpintal, tulang belakang saya pulih dan saya merasakan bahawa bengkak pada kaki saya beransur-ansur reda.

Selepas itu, tubuh saya terasa ringan apabila saya menerima doa untuk orang sakit. Gejala anemia hilang dan saya dapat berjalan seorang diri tanpa kerusi roda. Haleluyah!

◆
Pada 12 Disember, saya pergi ke hospital untuk pemeriksaan rutin. Doktor saya berasa sangat terkejut melihat betapa cepatnya saya menjadi sihat. Kemudian, dia berkata bahawa walaupun saya tidak menerima pemindahan darah, gejala anemia hilang dan kesihatan saya bertambah baik. Dia bertanya apa yang telah berlaku.

Saya berkata, “Saya seorang Kristian. Apabila saya menerima doa pastor saya, saya terdengar bunyi retak dari tulang belakang saya lalu ia kembali normal dan gejala anemia hilang.” Betapa gembiranya saya apabila saya memberikan kesaksian.

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Triniti yang menyembuhkan saya daripada batu karang, anemia dan tulang yang berpintal dengan cepat dan membuatkannya segala-galanya baik.



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Jesus meninggalkan ayat-ayat kasih sejurus sebelum Dia menghembuskan nafas-Nya yang terakhir di atas kayu salib. Ayat-ayat ini dipanggil sebagai "Tujuh Ayat Terakhir di atas Kayu Salib." Marilah kita pada hari ini meneliti ayat ketujuh yang juga ayat terakhir yang diujarkan oleh Yesus di atas kayu salib.

1. Sebab Yesus Berseru dengan Lantang "Ya Bapa"

Hal ini demikian supaya ayat terakhir-Nya di dunia ini dapat didengar oleh orang dan juga kerana Tuhan berkehendak agar kita berseru dengan lantang kepada-Nya dalam doa.

Seperti firman-Nya dalam Yeremia 33:3, "Berserulah kepada-Ku, maka Aku akan menjawab; Aku akan memberitahu engkau hal-hal yang indah dan mengagumkan, yang belum engkau ketahui," Tuhan memberitahu kita dalam seluruh Alkitab bahawa kita harus berseru kepada-Nya dalam doa. Hal yang sama juga terdapat dalam Bilangan 12:13; 2 Tawarikh 32:20; Mazmur 57:2; Markus 10:47; Yohanes 11:43; Kisah Rasul-rasul 4:24; dan Kisah Rasul-rasul 7:59.

Ketika Yesus berdoa di Getsemani sejurus sebelum penangkapan-Nya, Dia berdoa dengan sangat tekun sehingga "peluh-Nya seperti darah menitik." Pakar perubatan mendakwa bahawa apabila seseorang berada di bawah tekanan yang besar atau berusaha keras dalam ikhtiar, adalah mungkin untuk saluran kapilar pecah yang seterusnya menyebabkan perpeluhuan dan pendarahan pada masa yang sama. Bagi orang itu, dia "berpeluh seolah-olah dia mengalirkan darah." Tambahan pula, hakikat bahawa Yesus berpeluh seolah-olah Dia mengalirkan darah ketika berdoa hingga larut malam dalam jenis iklim yang terdapat di Israel menunjukkan betapa tekun dan terdesak Dia berdoa.

2. Sebab Yesus Berkata, "Ya Bapa, Aku serahkan diri-Ku ke dalam tangan-Mu"

i) Yesus Bersaksi tentang Keabadian Roh Manusia

Manusia terdiri daripada roh, jiwa dan tubuh. Setelah hayat seseorang tamat, tubuh yang hanya merupakan bekas bagi roh dan jiwa akan kembali ke tanah. Oleh

Pesan Salib (20)

Tujuh Ayat Terakhir Yesus di atas Kayu Salib (4)

Lalu Yesus berseru dengan lantang, 'Ya Bapa, Aku serahkan diri-Ku ke dalam tangan-Mu!' Setelah berkata demikian, Dia pun meninggal"
(Lukas 23:46).

sebab roh adalah kekal dan abadi, roh tidak akan lenyap. Roh Adam terbentuk setelah dia diciptakan iaitu apabila Tuhan menghembuskan nafas yang memberi hidup ke dalam lubang hidungnya (Kejadian 2:7). Tuhan mengisi roh Adam dengan pengetahuan rohani yang merupakan kebenaran.

"Jiwa" merujuk kepada semua fungsi yang membolehkan seseorang menyimpan maklumat di dalam otaknya dan membolehkannya untuk mengingat maklumat tertentu, berfikir dan merasakannya, serta menggunakan atau bertindak berdasarkannya. Pada asalnya, tuan Adam ialah rohnya yang mengawal jiwa dan tubuhnya. Oleh sebab rohnya diisi dengan kebenaran, jiwa dan tubuh yang di bawah kawalan roh juga merupakan kebenaran. Apabila Adam berdosa terhadap Tuhan dengan makan buah daripada pokok yang memberi pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat, rohnya mati. "Kematian roh" merujuk kepada terputusnya komunikasi dengan Tuhan dan ketidakupayaan roh untuk melaksanakan tugasnya.

Apabila roh iaitu tuan kepada manusia mati dan berhenti berfungsi, jiwa mengambil alih peranan roh dan mula mengawal tubuh. Jiwa kemudiannya tertakluk kepada kerja Iblis dan mula menerima pengetahuan dusta. Sebanyak mana hati dipenuhi dusta, kebenaran yang telah ditanam oleh Tuhan pada mulanya telah digantikan dengan dusta. Akhirnya, hati diisi dengan kebencian, panas baran dan mementingkan diri. Namun begitu, pemberhentian fungsi roh seseorang tidak menandakan rohnya lenyap. Roh manusia dibentuk dengan nafas kehidupan Tuhan yang kekal dan abadi. Roh tidak akan lenyap.

Apakah yang akan berlaku kepada jiwa apabila tubuh mati? Otak diperlukan untuk seseorang berfungsi. Melalui sel otak, seseorang dapat mempunyai ingatan dan berfikir. Apabila kehidupan fizikal haiwan (yang tidak mempunyai roh) tamat, sistem ingatan di dalam otak haiwan juga hilang. Tubuh dan jiwa haiwan lenyap lalu kembali kepada kekosongan. Namun begitu, manusia yang mempunyai roh, fungsi jiwnya disampaikan ke 'hati' dan tersimpan di dalamnya. Oleh itu, jiwa akan wujud selama-lamanya dalam kesatuan

dengan roh kerana sifat-sifat jiwa merupakan input bagi roh, jadi jiwa manusia tidak lenyap.

Atas sebab yang sama, Yesus berkata, "Ya Bapa, Aku serahkan diri-Ku ke dalam tangan-Mu!" Apabila seseorang mendengar injil dan menerima Yesus Kristus, dia menerima Roh Kudus dan rohnya yang 'mati' sebelum ini dihidupkan kembali. Orang yang rohnya dihidupkan kembali dan memenuhi hatinya dengan kebenaran dapat kita katakan, "Jiwanya telah makmur." Sebanyak mana jiwa seseorang makmur atau dengan kata lain sebanyak mana hati seseorang diisi dengan kebenaran, setiap urusan dalam hidupnya akan makmur dan dia akan menikmati kesihatan yang baik (3 Yohanes 1:2).

Seperti yang dikatakan oleh Yesus kepada kita dalam Yohanes 3:5, "Apa yang Aku katakan ini benar: Tidak mungkin seorang pun menikmati Pemerintahan Allah, kecuali dia dilahirkan daripada air dan Roh Allah," apabila orang dilahirkan kembali daripada air dan Roh Kudus, orang yang rohnya telah dihidupkan kembali akan masuk ke Syurga. Namun begitu, orang yang rohnya gagal dihidupkan kembali dan hati mereka tidak dipupuk dengan kebenaran kerana mereka tidak percaya kepada Yesus Kristus tidak akan dapat masuk ke Syurga. Neraka ialah tempat yang disediakan untuk orang sedemikian.

2) Yesus Bersaksi bahawa Dia telah Mentaati dan Memenuhi Segala-galanya Selaras dengan Ketentuan Tuhan

Hakikat bahawa Yesus berdoa di atas kayu salib, "Ya Bapa, Aku serahkan diri-Ku ke dalam tangan-Mu!" membuktikan betapa Dia mentaati dan memenuhi segala-galanya hanya sesuai dengan ketentuan Tuhan. Kedatangan Yesus ke dunia ini, penyaliban-Nya di atas kayu salib, dan kebangkitan-Nya tidak dirancang dan dilaksanakan menurut kehendak atau rencana-Nya sendiri tetapi hanya menurut kehendak Tuhan yang mengatur kehidupan, kematian, kutuk dan berkat bagi manusia serta sejarah umat manusia (Yohanes 4:34).

Apabila kita berdoa demi nama Yesus Kristus, yang menjawab doa kita ialah Tuhan. Yesus memberitahu kita dalam Matius 10:29-31, "Kamu dapat membeli dua ekor burung pipit dengan mata wang yang paling kecil. Meskipun demikian tidak seekor pun jatuh ke tanah tanpa persetujuan Bapa kamu. Rambut di kepala kamu

pun sudah dihitung semuanya. Oleh itu, janganlah takut! Di sisi Allah, kamu lebih berharga daripada banyak burung pipit!"

Jika anda benar-benar memahami dan memahatkan kepentingan rohani jaminan seperti itu daripada Tuhan dalam hati anda, anda akan dapat menyerahkan segala-galanya kepada Tuhan. Sebagaimana Tuhan mengingatkan kita, "tidak seekor pun jatuh ke tanah tanpa persetujuan Bapa kamu" dan "rambut di kepala kamu pun sudah dihitung semuanya", jika kita dapat percaya kepada-Nya dengan iman, tiada perkara yang akan kita gagal untuk menerima jawapan-Nya sama ada masalah penyakit, berkat di tempat kerja atau perniagaan, atau untuk menyempurnakan kerja Tuhan.

Walaupun Yesus wujud dalam bentuk Tuhan dan satu dengan Tuhan, Yesus hanya mencari dan mengejar kehendak Tuhan dan menyerahkan segala-galanya kepada Tuhan. Dengan cara yang sama, semoga setiap daripada anda menumpukan perhatian anda hanya kepada Tuhan, sentiasa mengalami kerja-Nya yang melampaui kekuatan manusia dan menghormati-Nya dalam segala hal, dan bukannya meletakkan kepercayaan anda kepada cara manusia atau kepada orang lain.

Saudara dan saudari yang saya kasih dalam Kristus, dengan sentiasa mengingat "Tujuh Ayat Terakhir Yesus di atas Kayu Salib", memahami hati Yesus yang berseru dengan lantang di tengah-tengah derita penyaliban, dan menyempurnakan kehendak Tuhan dengan sepenuhnya, saya berdoa agar ketika anda mempunyai kerinduan bagi Tuhan Yesus yang akan datang kembali untuk kita demi nama Tuhan Yesus, setiap daripada anda akan menerima mahkota kebenaran pada hari itu.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaejang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
 (Poskod: 07058)
<http://www.manmin.org/english>
www.manminnews.com
 E-mel: manminen@manmin.kr
 Penerbit: Dr. Jaerock Lee
 Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Triniti: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkaan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

- Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui "Pengakuan Iman Rasul" pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

"[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia." (Kisah Rasul-rasul 17:25)
 "Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita." (Kisah Rasul-rasul 4:12)

Sorotan Khas

Cara Mendapatkan Jawapan dan Berkat daripada Tuhan Bagaimanakah kita dapat mengubah cara kita berfikir?

Jika kita berpegang kepada cara pemikiran kita yang sedia ada,
adalah mustahil untuk kita mendapatkan jawapan rohani.

Oleh sebab anda mempunyai pemikiran badani, tidak kira betapa remehnya sesuatu perkara,
pemikiran sedemikian telah terkumpul dan jalan kepada pemikiran badani telah terbina.

Jawapan dan berkat dapat anda terima apabila anda mula menutup pintu pemikiran dan berdoa dengan bersungguh-sungguh dengan amalan untuk mengubah pemikiran anda kepada pemikiran rohani!



"Mempunyai cara berfikir yang positif, melihat segala-galanya dengan iman, bersukacita dan mengucapkan syukur ialah cara untuk mendapat jawapan dan berkat"



Apakah cara berfikir yang positif dalam Tuhan Yesus?

Ia merujuk kepada tidak melihat masalah atau ujian dalam realiti keadaan tetapi dengan iman melihat diri sendiri yang akan diubah melalui rangkaian masalah dan mengharapkan berkat yang datang selepas mengatasi ujian itu. Katakan seseorang telah mengkhianati anda. Anda tidak boleh berdendam dengan memikirkan, ‘Beraninya engkau menipu aku!’ Sebaliknya anda akan berasa lebih baik dengan cuba menyedari kasih Tuhan, memandang orang itu dengan kasih rohani, dan mengubah pemikiran. Adakah anda terperangkap dalam keadaan yang sukar? Oleh itu, berharaplah untuk bertumbuh dengan lebih matang dan mempunyai fikiran yang lebih terbuka untuk memahami setiap

perkara melalui kejadian itu.

Jika tiada pekerja yang bersemangat dalam bekerja bersama anda, mengapakah anda tidak menjadikannya satu peluang untuk anda mengalami kuasa Tuhan yang dapat menjadikan anda lebih kuat? Perlu anda ingat bahawa ketika anda cuba untuk mencapai kesucian hati, anda mungkin berasa putus asa atau kecewa atas sebab kejahanatan yang terdapat dalam diri anda. Sekalipun dalam keadaan seperti ini, fikirkanlah masa depan diri anda yang akan berubah dengan cepat dan mengucapkan syukur.

Apabila anda mengubah pemikiran anda dengan cara yang positif, melihat segala-galanya dengan iman dan mengakui Tuhan, Dia akan mencerahkan berkat atas apa yang anda lakukan dengan iman.



"Hanya dengan doa yang bersungguh-sungguh disertai amalan mengubah pemikiran badani kepada pemikiran rohani!"



Corak berfikir yang sudah menjadi rutin mewujudkan reaksi spontan apabila kita melihat sesuatu. Katakan anda melihat seseorang yang ekstrovert dan anda berfikir bahawa dia bertingkah tidak baik. Ini kerana anda selalu berasa sedemikian apabila anda melihat orang seperti dia. Selain itu, jika anda berulang-ulang kali mempunyai konflik dengan orang lain, ini mungkin kerana anda tidak memberi perhatian kepada kelebihan yang ada pada diri mereka akibat pemikiran badani anda, yang seterusnya menghalang anda daripada mendekati mereka. Untuk mengubah cara berfikir yang membentuk pemikiran badani, anda harus cuba untuk ‘menutup pintu pemikiran’ terlebih dahulu.

Paling utama, lihatlah diri anda dari sudut pandangan objektif. Bayangkan

anda sedang memerhatikan diri anda dan ada pintu di sekeliling anda. Apabila fikiran dusta datang kepada anda, tutuplah pintu kepada pemikiran dusta dan ubah pemikiran itu menjadi pemikiran rohani. Jika anda mengamalkannya secara berterusan dan cuba menutup pintu pemikiran, pemikiran badani tidak dapat datang sekalipun hanya dengan satu percubaan ‘menutup pintu’.

Berserta dengan amalan, anda cuba untuk mengubah pemikiran anda kepada pemikiran rohani. Oleh itu, ambang pintu kepada pemikiran badani akan lenyap dan jalan kepada pemikiran rohani akan terbuka. Apabila anda berdoa dengan bersungguh-sungguh dengan usaha sedemikian, anda akan dapat mengalami kuasa Tuhan dengan pertolongan Roh Kudus.

“Terselamat daripada amputasi kaki kiri akibat komplikasi diabetes.”

Urmila (Usia 50, Korba, Chhattisgarh, India)



Pada awal Oktober 2022, saya mengalami bisul yang tidak dapat dijelaskan pada kaki kiri saya. Bisul itu yang beransur-ansur membesar menyebabkan saya demam dan kesakitan pada kaki dan bahagian atas kaki yang akhirnya pecah menjadi nanah.

Oleh sebab keadaan tidak bertambah baik, saya pergi ke hospital lalu diberitahu bahawa kaki kiri perlu dipotong kerana tahap diabetes saya melebihi 400 dan luka pada kaki saya semakin besar akibat komplikasi.

Saya menghidap diabetes dan gula darah yang tinggi selama 20 tahun. Itulah sebabnya satu kerak sahaja boleh mendatangkan akibat yang mengerikan. Apabila saya diberitahu bahawa kaki kiri saya perlu dipotong, saya berasa bimbang, gugup dan patah hati memikirkan bagaimana saya akan berjalan, menjaga anak-anak saya, dan menjalani kehidupan saya selepas amputasi. Saya juga hampir-hampir tidak dapat makan selama 20 hari akibat kesakitan yang parah pada kaki kiri saya.

Saya mula mencari doa untuk orang yang sakit melalui YouTube dengan hati yang terdesak. Pada masa yang sama saya menemui ‘Doa Dr. Jaerock Lee untuk Orang Sakit’ melalui saluran GCNTV HINDI. Saya meminta pengendali saluran tersebut iaitu Gereja Manmin Delhi untuk berdoa bagi kesembuhan saya.

Pekerja-pekerja Gereja Manmin Delhi dengan baik hati membimbing saya untuk menerima jawapan. Mereka memberi saya arahan yang jelas untuk mendengar khutbah yang bertajuk, ‘Pesanan Salib’ terlebih dahulu dan menyucikan hari Sabat supaya saya dapat bertaubat daripada dosa-dosa saya. Mereka juga menyampaikan berita baik bahawa saya dapat menerima doa dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi yang diadakan di Gereja Pusat Manmin di Korea pada bulan November melalui GCNTV HINDI.

Oleh sebab saya berasa bahawa Tuhan sendiri sedang membimbing saya, saya mengamalkannya satu persatu seperti yang diajar oleh mereka dengan harapan saya akan sembuh walaupun saya berasa letih dan tidak selesa. Harapan untuk sembuh membuatkan saya lebih bersungguh-sungguh, jadi saya dapat mengatasi kesakitan dan berdoa.

Pada suatu hari ketika saya mendengar Pesanan Salib, saya mendapat tahu bahawa penyembahan

berhalia merupakan dosa. Saya telah menghadiri gereja selama 8 tahun tetapi ini merupakan kali pertama saya mengetahui perkara ini setelah mendengar khutbah Dr. Jaerock Lee. Saya segera berhenti menyembah berhalia dan bertaubat daripada dosa-dosa saya.

Pada 25 November, saya menerima doa Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan, dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi yang saya hadiri melalui GCNTV HINDI. Pada masa itu, saya merasakan Roh Kudus datang kepada saya lalu seluruh tubuh saya berpeluh. Mendengar kesaksian orang dari dalam dan luar negara yang dilaporkan pada masa nyata, saya percaya bahawa saya juga dapat sembuh.

Selepas itu, saya tidak pernah terlepas ibadat Ahad. Saya juga memberi persepuhan. Saya segera bertaubat daripada dosa-dosa yang saya sedari ketika saya mendengar khutbah. Oleh sebab saya tahu bahawa Tuhan Bapa berasa senang hati dengan penginjilan, saya menginjili saudara-mara dan jiran-jiran saya.

Selepas itu, saya berasa selesa. Kesakitan pada kaki kira saya beransur-ansur hilang dan saya dapat makan dengan baik. Selain itu, kaki saya semakin sembuh apabila saya semakin banyak beribadat dan menerima doa. Akhirnya, kaki saya tidak perlu dipotong. Haleluyah!

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Tritunggal Yang Penuh Kasih yang telah melakukan perkara-perkara besar dalam hidup saya.

Sebelum kesembuhan



Selepas kesembuhan





“Saya sembah daripada 25 tahun hernia cakera tulang belakang.”

Diaken Sunbeam Hwang (Usia 88, Paroki Kelima)

Saya telah mengalami hernia cakera tulang belakang selama 25 tahun. Kedua-dua sendi pinggul saya terasa sangat sakit terlebih lagi apabila saya menuruni tangga sehingga saya terpaksa turun dengan berhati-hati.

Semasa saya memasuki separuh kedua tahun 2022, saya berasa bahawa saya perlu disembuhkan melalui Perjumpaan Kesembuhan Ilahi. Oleh itu, saya mengambil bahagian secara aktif dalam “Kempen Membaca Buku Pastor Kanan” yang diadakan oleh Gereja Pusat Manmin pada ketika itu, membaca dua bab Alkitab setiap hari, dan mempersiapkan diri saya dengan kerinduan. Apabila saya berdoa dengan bersungguh-sungguh dalam ‘Perjumpaan Doa Nazar Daniel’ yang diadakan sebelum Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan November, saya teringat bahawa saya pernah mengeluh dan berasa terganggu dalam kehidupan sehari-hari saya lalu bertaubat.

Kemudian, Perjumpaan Kesembuhan Ilahi diadakan pada 25 November ketika Ibadat Sepanjang Malam Jumaat. Saya menerima doa untuk orang sakit daripada Dr. Soojin Lee, Pemangku Pastor Kanan. Saya mengalami kerja ajaib Roh Kudus. Pada saat menerima doa itu, angin sejuk masuk ke dalam pinggang kanan saya lalu membakar belakang saya, memanaskan seluruh tubuh saya.

Apabila saya memeriksa tubuh saya pada pagi keesokannya, saya dapat bahawa sakit belakang saya telah hilang sepenuhnya. Tiada masalah bagi saya untuk membongkokkan dan meluruskan belakang saya. Saya juga dapat menggerakkan punggung saya dengan bebas. Apabila saya menuruni tangga tiga hari kemudian, kedua-dua pinggul saya langsung tidak terasa sakit. Haleluyah!

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang memberikan jawapan dan berkat, yang menyembuhkan saya daripada hernia cakera tulang belakang yang telah saya deritai selama 25 tahun.

